# <u>SPESIFIKASI UNTUK SEBUT HARGA</u>

*Virtual Training for Productivity-Linked Wage System Implementation* (VT-PLWS)

## 1.0 Pengenalan

VT-PLWS merupakan satu program bimbingan yang akan dilaksanakan kepada industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari pelbagai sektor. Program bimbingan maya ini akan membangunkan Sistem Upah Yang Berkait Produktiviti (PLWS) di syarikat-syarikat PKS di samping mewujudkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi meningkatkan daya saing syarikat.

i. Mode Program: Latihan dan Pembangunan Sistem secara dalam talian;
ii. Durasi Projek: Dua Bulan (Ogos - September 2021);
iii. Kumpulan Sasaran: 20 syarikat PKS.

## 2.0 Objektif

Antara objektif projek adalah:

i. Mewujudkan satu kaedah pengukuran yang sistematik bagi syarikat PKS yang berteraskan kaedah PLWS;
ii. Membimbing dan menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat – syarikat PKS bagi melaksanakan PLWS;
iii. Mewujudkan KPI iaitu kaedah pengukuran sistematik *(objective – based)* dalam menentukan proses pengiktirafan dan ganjaran pekerja di dalam syarikat PKS; dan
iv. Meningkatkan prestasi pertumbuhan dan daya saing syarikat PKS.

## 3.0 Spesifikasi Tenaga Pengajar

3.1 Syarikat pengendali harus berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan JPPK MPC.

3.2 Syarikat pengendali harus mempunyai latar belakang pengetahuan mengenai PLWS dan KPI.

3.3 Syarikat mempunyai pengalaman mengajar secara “coaching” untuk syarikat-syarikat PKS.

## 4.0 Skop dan Jangka Masa Program

4.1 Program ini melibatkan empat (4) fasa seperti di bawah:

| Fasa | Aktiviti | M1 | M2 | M3 | M4 | M5 | M6 | M7 | M8 | OUTPUT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Fasa 1 | **Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Prestasi dan Pengenalan kepada PLWS** | | | | | | | | | **Report on current compensation system** |
| | • Menerangkan prestasi produktiviti Malaysia dan polisi buruh | | | | | | | | | |
| | • Menerangkan model dan contoh PLWS | | | | | | | | | |
| | • Menganalisa tahap kerja dan gred | | | | | | | | | |
| | • Menerangkan kaedah pemilihan kompetensi | | | | | | | | | |
| | • Menyelaraskan kompetensi berdasarkan nilai korporat | | | | | | | | | |
| Fasa 2 | **Membangunkan Matrik Pengukuran KPI** | | | | | | | | | **Report on company productivity performance** |
| | • Menerangkan metodologi *Key Focus Area* | | | | | | | | | |
| | • Membangun objektif dan matrik prestasi mengikut jawatan | | | | | | | | | |
| | • Menyemak dan memuktamadkan matrik prestasi mengikut jawatan | | | | | | | | | |
| Fasa 3 | **Membangunkan Sasaran Prestasi dan Kompetensi Organisasi** | | | | | | | | | **Report on company KPI** |
| | • Menerangkan penetapan sasaran | | | | | | | | | |
| | • Menetapkan lingkungan sasaran | | | | | | | | | |
| | • Menerangkan model 4 tahap tingkah laku dan prestasi | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | • Menyenaraikan prestasi dan kecekapan mengikut jawatan | | | | | | | | | |
| **Fasa 4** | **Memuktamadkan Kaedah Pelaksanaan PLWS** | | | | | | | | | **Report on company PLWS** |
| | • Mewujudkan kaedah dan kriteria perkongsian bonus | | | | | | | | | |
| | • Mewujudkan kaedah dan kriteria kenaikan gaji tahunan | | | | | | | | | |
| | • Pertimbangan kaedah ganjaran | | | | | | | | | |
| | • Melaksanakan sistem pengurusan prestasi (PLWS) | | | | | | | | | |

4.2 Syarikat pengendali perlu mengenalpasti 20 Syarikat PKS yang akan mengikuti program ini dan memaklumkan kepada pihak seketariat MPC.

4.3 20 Syarikat PKS yang dikenalpasti tidak mempunyai latar belakang PLWS.

4.4 Setiap syarikat perlu menghantar dua wakil yang SAMA dan mengikuti program ini sehingga tamat program.

## 5.0 Kos Terlibat

5.1 Perincian kos mengikut fasa adalah seperti dibawah:

| Fasa | Program/Aktiviti | Kos (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Prestasi dan Pengenalan kepada PLWS | 15,792 |
| 2 | Membangunkan Matrik Pengukuran KPI | 15,792 |
| 3 | Membangunkan Sasaran Prestasi dan Kompetensi Organisasi | 15,792 |
| 4 | Memuktamadkan Kaedah Pelaksanaan PLWS | 15,792 |
| | **Jumlah termasuk SST 6 %** | **63,168** |

5.2 Jumlah bayaran adalah **TIDAK TERMASUK** cukai jualan dan perkhidmatan (SST) 6%.

5.3 Bayaran akan dibuat menggunakan Pesanan Kerajaan (LPO) dan dibayar mengikut fasa setelah program selesai.

5.4 Bayaran yang ditawarkan untuk program ini adalah tetap sehingga perkhidmatan disempurnakan dengan memuaskan. Sebarang kenaikan harga tidak akan dipertimbangkan.